

Rakyat perlu main peranan memaknai kemerdekaan dengan jiwa, pemikiran - PM

HAZIRAH HALIM

SELURUH rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, budaya dan agama perlu memainkan peranan melahirkan masyarakat yang memartabatkan negara dengan memaknai kemerdekaan melalui jiwa dan pemikiran.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata usaha memaknai merdeka perlu dilaksanakan oleh semua individu dari peringkat pimpinan tertinggi sehingga rakyat memandangkan Malaysia adalah amanah kepada rakyat.

“Daripada pimpinan tertinggi sehingga rakyat harus tahu bahawa negara ini adalah amanah, dari peringkat kampung sehinggalah Jabatan Perdana Menteri (JPM).”

“Sebab itu mereka yang jiwanya merdeka, tidak sanggup melihat negara dijadikan perkakas untuk memperoleh habuan golongan elit. Segala khazanah, kekuatan dan usaha adalah bagi mengembalikan hak kepada rakyat,” ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2023 di Dewan Plenari Pusat Konvensyen Antarabangsa



ANWAR (tengah) selepas Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2023 di Dewan Plenari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada Rabu.

Putrajaya pada Rabu.

Mengulas lanjut, Anwar berkata selaras tema kerajaan Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan, kerajaan akan memastikan usaha memerdekakan

jiwa ini berterusan supaya menjadi semangat kepada seluruh rakyat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang hebat dan gagah di Asia Tenggara.

“Syaratnya adalah semangat yang

telah diperkukuh dalam kalangan masyarakat majmuk adalah sebagai satu keluarga dan kita mesti pertahankan Malaysia kerana negara ini adalah milik seluruh rakyat.

“Kesatuan dan perpaduan yang

kita pupuk pada hari ini bertujuan untuk menjamin masa depan melalui dasar dan pelaksanaan walaupun ada sebahagian kecil yang tidak menyenangkannya.

“Kerajaan perpaduan dan negara Madani akan pertahankan hak setiap rakyat dan apa jua yang boleh melemahkan semangat kekitaan dan perpaduan dalam kalangan kita,” kata beliau lagi.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan kerajaan telah memberi jaminan terhadap situasi kekangan ekonomi negara dan sedang merangka perubahan sistem upah serta penyelarasan gaji yang memberi jaminan kepada penjawat awam.

Terdahulu, Majlis Amanat Perdana itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadilah Yusof serta barisan kabinet Kerajaan Perpaduan.

Majlis itu juga menyaksikan seramai 6,000 rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat turut hadir menzahirkan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam menyemarakan rasa kekitaan, kebersamaan sekali gus memperkasakan semangat perpaduan.